

08/03/1997

Kurangkan tarif import minyak sawit: PM

KUALA LUMPUR, Jumaat - Malaysia hari ini meminta Afrika Selatan menimbang untuk mengurangkan tarif import minyak sawit ke tahap yang sekurang-kurangnya sama dengan tarif untuk minyak kacang soya.

Permintaan itu disampaikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam perbincangan beliau dengan Presiden Afrika Selatan, Nelson Mandela, di Jabatan Perdana Menteri di sini.

Mandela tiba di sini semalam untuk memulakan lawatan lima hari ke Malaysia, negara terakhir yang dikunjunginya dalam lawatan 10 hari ke empat negara Asean. Sebelum ini, beliau melawat Filipina, Brunei Darussalam dan Singapura.

Menteri Luar, Datuk Abdullah Ahmad Badawi, berkata Dr Mahathir menjelaskan kepada Mandela bahawa Malaysia mahu supaya tarif import itu sama dengan tarif bagi minyak makan lain yang diimport Afrika Selatan dari negara-negara lain.

Tarif import untuk minyak sawit yang dikenakan oleh Afrika Selatan sekarang ialah 400 Rand (kira-kira RM220) bagi satu tan metrik, manakala tarif import untuk minyak kacang soya 170 Rand (kira-kira RM93).

Abdullah berkata, Dr Mahathir memberitahu Mandela bahawa Malaysia tidak ingin meminta `sesuatu yang lebih' tetapi akan bergembira jika tarif itu dapat disamakan.

Katanya, Mandela tidak dapat memberi keputusan serta-merta mengenai permintaan Malaysia itu, tetapi berjanji akan mengkajinya.

Beliau berkata, Dr Mahathir juga memberi jaminan kepada Mandela bahawa Malaysia akan membantu rakyat Afrika Selatan, terutamanya masyarakat kulit hitam dengan berkongsi pengalaman dan kemahiran dalam banyak bidang seperti latihan keusahawanan, sumber manusia dan kemahiran.

Mandela juga, kata Abdullah, ingin melihat banyak lagi pelaburan Malaysia di republik itu yang sehingga kini berjumlah AS\$3 bilion (kira-kira RM7.5 bilion).

Beliau juga memberitahu Dr Mahathir bahawa negaranya memerlukan banyak lagi usahasama antara syarikat Malaysia dan Afrika Selatan, khususnya yang dimiliki oleh masyarakat kulit hitam.

Mandela berkata, kerajaannya merancang memperluaskan perkhidmatan perkapalan dan mahu pelabur Malaysia membantu dalam penswastan bidang itu.

"Presiden Afrika Selatan itu turut memberi jaminan kepada Dr Mahathir bahawa pelabur Malaysia tidak perlu risau mengenai situasi keselamatan di negaranya kerana ia tetap stabil," katanya.

Dalam perbincangan mereka mengenai hubungan Asean dan Afrika, Dr Mahathir dan Mandela berharap Asean dan Masyarakat Pembangunan Afrika Selatan (SADC), iaitu dua kawasan serantau yang mempunyai jumlah penduduk sebanyak 600 juta orang, akan mempertingkatkan kerjasama.

SADC dianggotai oleh 12 negara Selatan Afrika iaitu Angola, Botswana, Lesotho, Malawi, Mauritius, Mozambique, Namibia, Swaziland, Tanzania, Zambia, Afrika Selatan dan Zimbabwe.

Abdullah berkata, Asean dan SADC sudah dapat meningkatkan kerjasama melalui pertemuan di antara Menteri-menteri Ekonomi kedua-dua rantau itu semasa persidangan Pertubuhan Perdagangan Sedunia (WTO) di Singapura, baru-baru ini.

Katanya, menteri-menteri berkenaan berharap Asean akan memberi perhatian kepada pelaburan dalam bidang infrastruktur, tenaga, pelancongan dan

perkapalan di negara Afrika itu. - Bernama
(END)